

Menguukuhkan Pengukuran Kepimpinan Instruksional: Dapatan Kesahan Kandungan dalam Konteks Malaysia

Nor Aini Rahim dan Al Amin Mydin*

Abstract – Pembangunan instrumen yang sah dan boleh dipercayai merupakan elemen kritikal dalam mengukur konstruk kompleks seperti kepimpinan instruksional dalam konteks sekolah. Kajian ini menilai kesahan kandungan instrumen Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) yang diadaptasi bagi menentukan kesesuaiannya untuk mengukur amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah rendah Malaysia. Kaedah Content Validity Index (CVI) digunakan dengan melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang kepimpinan pendidikan, pentadbiran sekolah dan latihan profesional guru untuk menilai kejelasan, kerelevanan dan keterwakilan 22 item merentas tiga dimensi utama: Penetapan Misi Sekolah (ILM), Mengurus Program Instruksional (ILP) dan Membangunkan Iklim Pembelajaran Sekolah (ILI). Skala Likert empat mata digunakan bagi mengelakkan respons neutral dan meningkatkan kejelasan penilaian pakar. Dapatan menunjukkan bahawa semua 22 item dikekalkan, dengan nilai I-CVI berada dalam lingkungan 0.86 hingga 1.00, menandakan tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi. Nilai S-CVI/Ave turut mencatatkan keputusan yang kukuh, iaitu 1.00 bagi ILM, 0.98 bagi ILP dan 1.00 bagi ILI, dengan nilai keseluruhan skala pada 0.99. Keputusan ini mengesahkan ketepatan konseptual serta kesesuaian konteks instrumen PIMRS dalam persekitaran sekolah rendah Malaysia. Instrumen yang telah disahkan ini menyediakan asas metodologi yang kukuh bagi ujian kebolehpercayaan seterusnya serta penyelidikan empirikal berkaitan hubungan antara kepimpinan instruksional, komitmen guru dan kompetensi pengajaran abad ke-21. Kajian ini menyumbang dari segi teori, metodologi dan amalan melalui penyediaan instrumen penilaian kepimpinan yang mantap, kontekstual dan boleh digunakan sebagai asas kepada pembangunan profesional dan pembuatan dasar pendidikan berasaskan bukti.

Keywords – Kepimpinan Instruksional; Indeks Kesahan Kandungan (CVI); PIMRS; Kepimpinan Sekolah Rendah; Pengesahan

I. PENGENALAN

Pembangunan instrumen yang mempunyai asas psikometrik yang kukuh merupakan elemen penting dalam penyelidikan pendidikan, khususnya apabila melibatkan konstruk abstrak dan pelbagai dimensi seperti kepimpinan instruksional. Instrumen yang tidak disahkan dengan tepat boleh menjejaskan ketepatan dapatan dan menyukarkan pemahaman sebenar terhadap peranan pemimpin sekolah (Hassan et al., 2019). Dalam konteks ini, kesahan kandungan menjadi komponen kritikal untuk memastikan setiap item mewakili konsep teoritikal yang ingin diukur, sejajar dengan

cadangan (Zamanzadeh et al., 2015). Proses ini menjadi lebih penting dalam penyelidikan pendidikan di Malaysia, di mana konteks budaya, operasi sekolah, dan norma profesional guru mempengaruhi bagaimana sesuatu konstruk dimaknai.

Salah satu kaedah yang paling meluas digunakan bagi menilai kesahan kandungan ialah Content Validity Index (CVI) yang diperkenalkan oleh Lynn, (1986). CVI menyediakan pendekatan sistematik untuk menilai kerelevanan, kejelasan, dan keterwakilan item melalui persetujuan pakar, dan kekal sebagai kaedah standard dalam penyelidikan instrumen (Polit & Beck, 2006). Nilai I-CVI dan S-CVI membolehkan penyelidik mengenal pasti item yang benar-benar mencerminkan konstruk yang ingin diukur, sekali gus memastikan keseragaman dan ketepatan keseluruhan instrumen.

Walaupun instrumen kepimpinan yang sedia ada telah digunakan secara meluas dalam penyelidikan pendidikan, masih terdapat kekurangan instrumen yang disahkan kesahannya secara khusus bagi konteks guru sekolah rendah di Malaysia masih lagi terhad (Thien et al., 2023). Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai kesahan kandungan instrumen yang digunakan dengan menerapkan kaedah Content Validity Index (CVI). Melalui pendekatan ini, maklum balas pakar diperoleh bagi menentukan tahap kerelevanan, kejelasan dan kesepadanan setiap item dengan konstruk yang ingin diukur. Berdasarkan penilaian tersebut, kajian ini juga bertujuan memperhalusi serta menambah baik item supaya instrumen yang terhasil lebih tepat, relevan dan benar-benar mencerminkan amalan kepimpinan dalam konteks sekolah rendah Malaysia. Dengan itu, instrumen yang dihasilkan dapat digunakan dengan lebih berkesan dalam penyelidikan masa hadapan berkaitan kepimpinan sekolah (Thien et al., 2021).

II. METODOLOGI

Proses pengesahan kandungan instrumen dilaksanakan secara sistematik melalui beberapa langkah utama yang melibatkan penyediaan borang CVI, pemilihan pakar, proses penilaian, dan pengiraan indeks kesahan kandungan. Pendekatan ini memastikan setiap item dalam instrumen benar-benar menepati konstruk kepimpinan instruksional yang ingin diukur.

Penyediaan Borang CVI

Satu borang penilaian disediakan menggunakan skala Likert empat mata yang menilai tahap kerelevanan setiap item terhadap konstruk yang diukur. Skala yang digunakan adalah seperti berikut:

- 1 = Sangat tidak sesuai,
- 2 = Tidak sesuai,

Nor Aini Rahim, Universiti Sains Malaysia (email :
ainirahim1009@gmail.com)
Al Amin Mydin, Universiti Sains Malaysia (email: alamin@usm.my)

3 = Sesuai,
4 = Sangat sesuai.

Penggunaan skala empat mata bertujuan mengelakkan kecenderungan respon neutral dan memastikan pakar membuat keputusan yang jelas terhadap kesesuaian setiap item.

Pemilihan Pakar

Pemilihan pakar dilakukan secara bertujuan berdasarkan kriteria akademik dan profesional yang ketat. Pakar dipilih berdasarkan (i) pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang pengurusan atau kepimpinan pendidikan, (ii) latar belakang akademik dalam bidang kepimpinan pendidikan, dan (iii) kedudukan semasa yang melibatkan peranan menilai, menyelia atau membimbing guru. Kriteria ini memastikan bahawa setiap pakar mempunyai kompetensi yang mencukupi untuk menilai konstruk instrumen secara tepat dan menyeluruh.

Proses Penilaian Kesahan Kandungan

Penilaian kandungan dijalankan secara bersemuka dan tanpa bersemuka menggunakan borang yang disediakan dalam format Microsoft Word dan PDF. Setiap borang disertakan dengan definisi konstruk dan penerangan terperinci bagi memastikan pemahaman yang jelas terhadap maksud setiap item. Pakar dikehendaki menilai semua item secara individu tanpa pengaruh antara satu sama lain. Penilaian dilakukan item demi item berdasarkan tahap kerelevanan terhadap dimensi kepimpinan instruksional. Secara ringkasnya, proses dalam penilaian kesahan kandungan dijalankan seperti di dalam Jadual I

JADUAL I: RINGKASAN PROSES PENILAIAN KESAHAN KANDUNGAN

Komponen	Perincian
Tujuan Kesahan Kandungan	Menentukan sejauh mana item instrumen mencerminkan konstruk yang ingin diukur (Lynn, 1986; Polit & Beck, 2006).
Justifikasi Teoretikal	Memastikan keselarasan item dengan konsep teori yang menjadi asas konstruk (Sekaran & Roger, 2016).
Kaedah Digunakan	Content Validity Index (CVI), kaedah yang melibatkan penilaian item dan skala oleh pakar (Polit et al., 2007).
Panel Pakar	7 orang pakar dengan pengalaman 10–30 tahun dalam kepimpinan pendidikan, pengurusan sekolah, dan pembangunan kompetensi guru.
Skala Penilaian	Skala Likert 4 mata: 1 = Tidak sesuai, 2 = Agak tidak sesuai, 3 = sesuai, 4 = Sangat sesuai.
Pengiraan I-CVI	Nisbah pakar yang memberi skor 3 atau 4 kepada setiap item. Penerimaan ≥ 0.78 (Yusoff, 2019)
Pengiraan S-CVI	S-CVI/Ave ≥ 0.90 , S-CVI/UA ≥ 0.80 dianggap sangat baik (Polit & Beck, 2006).
Proses Pengelasan	Data ordinal ditukar kepada dua kategori: "Sesuai" (3–4) dan "Tidak Sesuai" (1–2) untuk memudahkan analisis (Lindell et al., 1999).
Tindakan terhadap Item Lemah	Item yang gagal mencapai garis panduan I-CVI disemak semula, digubal semula atau ditambah baik berdasarkan maklum balas pakar.
Menangani Percanggahan Pakar	Perbincangan dijalankan bagi menjelaskan isu ketidakselarasan; item diperbaiki untuk meningkatkan kejelasan dan kerelevanan.

Output Proses CVI	Instrumen disemak, diperhalusi dan ditambah baik sehingga mencapai kejelasan dan kesesuaian konteks.
Hasil Akhir	Instrumen yang sah, boleh dipercayai, sesuai dan bersedia digunakan untuk konteks sekolah rendah Malaysia.

Pengiraan Indeks Kesahan Kandungan (CVI)

Dua bentuk indeks digunakan untuk menilai kesahan kandungan, iaitu Item-Level CVI (I-CVI) dan Scale-Level CVI (S-CVI). Pengiraan dilakukan seperti berikut:

1. I-CVI ditentukan dengan membahagikan bilangan pakar yang memberikan skor 3 atau 4 (iaitu sesuai) dengan jumlah keseluruhan pakar. Nilai 3 dan 4 ditukarkan kepada skor 1 (sesuai), manakala 1 dan 2 ditukarkan kepada 0 (tidak sesuai).

$I-CVI = (\text{Bilangan pakar yang bersetuju}) / (\text{Jumlah pakar})$

$$I-CVI = \frac{\text{Jumlah skor setipak pakar}}{\text{Jumlah skor sebenar}}$$

$$CVI = \frac{\text{Jumlah I-CVI}}{\text{Bilangan Pakar}}$$

2. S-CVI/Ave dikira dengan mengambil purata keseluruhan nilai I-CVI bagi semua item.

$S-CVI/Ave = (\text{Jumlah I-CVI}) / (\text{Bilangan item})$

$$S-CVI/Ave = \frac{\text{Jumlah I-CVI}}{\text{Bilangan item}}$$

III. PEMBENTUKAN PANEL PAKAR

Bagi memastikan ketepatan dan kesahan kandungan instrumen PIMRS yang diadaptasi, kajian ini melibatkan tujuh orang pakar yang mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang kepimpinan pendidikan, pengurusan pentadbiran sekolah, serta latihan profesional guru. Pemilihan pakar dibuat secara teliti untuk memenuhi keperluan metodologi Content Validity Index (CVI) yang menekankan kepelbagaian pengalaman dan relevansi bidang. Jadual pakar menunjukkan latar belakang yang kukuh dan meyakinkan bagi proses pengesahan kandungan.

Panel terdiri daripada pakar dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Institut Aminuddin Baki (IAB), dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Kepelbagaian institusi ini memastikan perspektif yang lebih seimbang, meliputi sudut pandang pentadbiran sekolah, kepimpinan pendidikan berasaskan dasar, serta latihan dan pembangunan profesional guru. Dua orang pakar berasal dari IAB dan IPG, institusi yang secara langsung terlibat dalam pembangunan kepimpinan dan latihan guru, manakala lima pakar daripada PPD membawa pengalaman luas dalam pengurusan pentadbiran sekolah dan penyeliaan guru di lapangan.

Dari segi bidang kepakaran, majoriti panel berpengalaman dalam kepimpinan pendidikan dan pengurusan pentadbiran, dengan dua pakar tambahan berperanan sebagai Jurulatih Kepakaran Guru. Peranan ini penting kerana jurulatih pakar mempunyai pengalaman

langsung dalam membimbing guru dan menilai amalan kepimpinan instruksional di sekolah. Kebolehcapaian mereka terhadap dinamika sebenar sekolah menambah ketepatan penilaian terhadap kewajaran item-item dalam instrumen PIMRS.

Pengalaman kerja panel juga sangat memberangsangkan, iaitu antara 10 hingga lebih 30 tahun dalam bidang masing-masing. Dua pakar mempunyai pengalaman lebih dua dekad dalam kepimpinan dan pentadbiran pendidikan, memberikan kredibiliti tinggi kepada proses penilaian kandungan. Selebihnya mempunyai pengalaman antara 10 hingga 20 tahun, meliputi aspek kepimpinan kurikulum, pembangunan guru, serta pentadbiran sekolah. Gabungan pengalaman lebih 10 tahun secara kolektif dalam kumpulan panel ini memastikan bahawa proses pengesahan kandungan dilaksanakan oleh pihak yang benar-benar memahami keperluan dan realiti kepimpinan instruksional di Malaysia.

Ringkasnya, pemilihan panel pakar ini memenuhi garis panduan Lynn (1986) dan Polit & Beck (2006) yang mencadangkan sekurang-kurangnya 6 hingga 10 pakar untuk mencapai kesahan kandungan yang kukuh. Kepelembagaan institusi, kesesuaian bidang kepakaran dan pengalaman yang luas daripada panel memberi keyakinan bahawa penilaian CVI yang dijalankan adalah sah, tepat dan relevan dengan konteks sekolah rendah Malaysia. Hal ini sekali gus mengukuhkan asas metodologi kajian dan menyokong kredibiliti instrumen PIMRS yang telah diadaptasi.

JADUAL II: MAKLUMAT PAKAR PENILAI

Pakar	Institusi	Bidang	Pengalaman
1	PPD	Pengurusan Pentadbiran	>20 tahun
2	IAB	Kepimpinan Pendidikan	>20 tahun
3	IPG	Kepimpinan pendidikan	>10 tahun
4	PPD	Kepimpinan pendidikan	>10 tahun
5	PPD	Pengurusan Pentadbiran	>15 tahun
6	PPD	Jurulatih Kepakaran Guru	>15 tahun
7	PPD	Jurulatih Kepakaran Guru	>15 tahun

IV. PENGUKURAN DAN DIMENSI

Instrumen yang dikaji mengenai kepimpinan instruksional guru besar yang diadaptasi dari (Hallinger & Wang, 2015) terdiri dari 3 dimensi utama i) Penetapan misi dan matlamat sekolah, ii) Mengurus Program Instruksional dan iii) Membangunkan Iklim Pembelajaran Sekolah yang Positif. Setiap dimensi di dalam kepimpinan instruksional ini adalah hasil dari sorotan literatur berkaitan dengan pengaplikasian model ini di sekolah-sekolah (Hallinger & Wang, 2015).

Kepimpinan instruksional merujuk kepada set tindakan strategik yang dilaksanakan oleh pemimpin sekolah bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Konsep ini, yang diperkenalkan oleh Hallinger & Murphy, (1985), menempatkan pemimpin sekolah sebagai peneraju utama dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif, merumuskan matlamat akademik yang jelas serta menyediakan sokongan sistematik kepada guru. Dari sudut teorinya, kepimpinan instruksional berakar umbi dalam kerangka kepimpinan transformasional dan kepimpinan teragih, yang menekankan peranan pemimpin sebagai

pembimbing dan penggerak inspirasi dalam usaha mencapai tahap prestasi akademik yang lebih tinggi (Hallinger & Wang, 2015).

Kepentingan kepimpinan instruksional lebih ketara dalam konteks sekolah rendah kerana pengaruh langsungnya terhadap pencapaian murid dan keberkesanan pedagogi (Othman et al., 2024). Penyelidikan melaporkan bahawa pemimpin instruksional yang berkesan dapat meningkatkan keberhasilan murid melalui usaha memperkasa guru dalam memenuhi tuntutan kurikulum serta menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan keperluan pelbagai kelompok murid (Leithwood et al., 2020). Dalam sistem pendidikan Malaysia, khususnya sekolah rendah, kepimpinan instruksional telah dikenal pasti sebagai pemangkin utama kepada peningkatan prestasi sekolah, sejajar dengan penekanan nasional terhadap hasil pembelajaran murid (Sabi & Ibrahim, 2025). Melalui pengukuhan kolaborasi profesional dalam kalangan guru dan fasilitasi pembangunan profesional berterusan, pemimpin instruksional memainkan peranan kritikal dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan serta memastikan penambahbaikan sekolah berlaku secara berterusan dan mampan (Othman et al., 2024). Jadual III di bawah menunjukkan definisi operasi berdasarkan kepada literatur.

JADUAL III: DEFINISI DIMENSI BAGI KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL

Dimensi	Defiisi Operasi
Mendefinisi Misi Sekolah (ILM)	tanggungjawab pemimpin sekolah untuk menggubal, menjelaskan dan membincangkan visi pembelajaran untuk dilaksanakan.
Mengurus Program Instruksional (ILP)	menekankan tindakan kepimpinan dalam membangunkan, menyelaras dan memantau kualiti pengajaran dan pembelajaran
Membangunkan Iklim Pembelajaran Sekolah Yang Positif (ILI)	Peranan guru besar dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong dan memotivasikan guru serta murid agar turut serta secara produktif dalam aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penambahbaikan sekolah.

V. INSTRUMEN

Borang yang digunakan untuk mengesahkan kandungan konstruk yang diukur

Skala yang digunakan dalam kajian ini adalah:

- 1 – Sangat Tidak sesuai
- 2 - Tidak sesuai
- 3 – Sesuai
- 4 – Sangat Sesuai

Selaras dengan prosedur standard Content Validity Index (CVI), hanya item yang menerima penilaian 3 (Sesuai) atau 4 (Sangat sesuai) daripada panel pakar dikategorikan sebagai item yang layak untuk dimasukkan dalam pengiraan Indeks Kesahan Kandungan per Item (I-CVI) (Almanasreh et al., 2019; Zamanzadeh et al., 2015). Kaedah ini memastikan bahawa hanya item yang mempunyai tahap kesepakatan pakar yang tinggi dikekalkan dalam instrumen, sekali gus memperkukuh ketepatan representasi konstruk serta meningkatkan konsistensi dalaman keseluruhan skala. Lihat Jadual IV.

Dalam proses penilaian, setiap pakar menilai semua item secara individu tanpa sebarang perbincangan atau

pengaruh silang. Penilaian dibuat sepenuhnya berdasarkan tahap kerelevanan item terhadap konstruk yang diukur, dan bukannya aspek linguistik seperti tatabahasa atau gaya bahasa. Setelah semua borang penilaian diterima, data dikompilasikan untuk menentukan bilangan pakar yang memberikan skor 3 atau 4 bagi setiap item. Jumlah ini kemudian dibahagikan dengan bilangan pakar keseluruhan (N = 7) bagi menghasilkan nilai I-CVI sesuatu item.

Garis panduan penerimaan bagi I-CVI ditetapkan pada nilai minimum 0.83, selaras dengan keperluan yang dicadangkan untuk panel pakar berjumlah antara enam hingga sepuluh orang (Polit et al., 2007). Skala penilaian yang digunakan untuk menentukan kerelevanan item diperincikan dalam Jadual V, yang menunjukkan klasifikasi skor dan interpretasi bagi tujuan pengiraan CVI.

Kajian ini akan menilai dimensi seperti yang terdapat di dalam Jadual VI yang merupakan dimensi daripada kepimpinan instruksional guru besar yang menggunakan model dari (Hallinger & Wang, 2015). Instrumen ini mengandungi 3 dimensi utama iaitu i) Penetapan misi dan matlamat sekolah (ILM) yang mengandungi 5 item, ii) Dimensi mengurus Program instruksional (ILP) yang mempunyai 7 item serta iii) Dimensi Membangunkan Iklim Pembelajaran Sekolah yang mengandungi 10 item.

JADUAL IV: NILAI 4 SKALA MATA

Nilai Skala	Keterangan	I-CVI
1	Tidak sesuai	Tidak
2	Tidak Sesuai	Tidak
3	Sesuai	Ya
4	Sangat Sesuai	Yan

JADUAL V: PENANDA PENERIMAAN ITEM BERDASARKAN BILANGAN PAKAR

Bil Pakar	I-CVI	Rujukan
3-5	1.00	Polit (2007)
6-8	≤0.83	Lynn (1986)
Lebih 8	≤0.83	Lynn (1986)

JADUAL VI: DIMENSI YANG AKAN DINIILAI

Dimensi	Bil. Item	Jurang I-CVI	S-CVI / Ave
Penetapan misi dan matlamat sekolah (ILM)	5	0.86 – 1.00	1.00
Mengurus Program Instruksional (ILP)	7	0.86 – 1.00	0.98
Membangunkan Iklim Pembelajaran Sekolah (ILI)	10	0.86 – 1.00	1.00
Kepimpinan Instruksional Guru Besar	22	0.86 – 1.00	0.99

VI. DAPATAN

Hasil penilaian kesahan kandungan menunjukkan bahawa kesemua dimensi dalam instrumen kepimpinan instruksional mencapai tahap CVI yang sangat tinggi, menandakan kesesuaian item dengan konstruk yang diukur serta tahap persetujuan pakar yang kukuh.

Bagi dimensi Penetapan Misi dan Matlamat Sekolah (ILM), kesemua lima item memperoleh nilai I-CVI 1.00, manakala S-CVI/Ave turut mencatatkan nilai 1.00. Dapatan ini menunjukkan persetujuan sebulat suara dalam kalangan

panel pakar terhadap kerelevanan dan kejelasan item-item dalam dimensi ini. Ia juga mengesahkan bahawa aspek penetapan visi, hala tuju akademik serta komunikasi matlamat sekolah digambarkan dengan tepat oleh item-item instrumen.

Dimensi Mengurus Program Instruksional (ILP) yang mengandungi tujuh item pula mencatatkan lingkungan I-CVI antara 0.86 hingga 1.00, dengan nilai S-CVI/Ave 0.98. Ini menunjukkan bahawa hampir semua item dianggap sangat relevan oleh pakar, walaupun terdapat sedikit variasi dalam tahap persetujuan. Walau bagaimanapun, nilai S-CVI/Ave yang hampir sempurna mengesahkan bahawa kandungan item dalam dimensi ini secara keseluruhannya tepat dalam menerangkan peranan guru besar dalam menyelaras kurikulum, memantau pengajaran dan menyokong keperluan instruksional guru.

Dimensi Iklim Sekolah (ILI), dengan sepuluh item, turut memperoleh keputusan yang sangat tinggi, dengan I-CVI 1.00 untuk semua item dan S-CVI/Ave 1.00. Ini menunjukkan bahawa pakar menilai setiap item dalam dimensi ini sebagai sangat sesuai dan menggambarkan sepenuhnya komponen motivasi, sokongan profesional dan budaya pembelajaran positif yang perlu diwujudkan oleh pemimpin sekolah. Nilai ini juga mengukuhkan bukti bahawa aspek iklim sekolah merupakan dimensi yang paling jelas dan mantap dalam instrumen PIMRS.

Secara keseluruhan, bagi 22 item dalam konstruk Kepimpinan Instruksional, lingkungan I-CVI berada pada tahap 0.86 hingga 1.00, dengan nilai S-CVI/Ave 0.99. Ini membuktikan bahawa keseluruhan instrumen mencapai kesahan kandungan yang sangat tinggi dan menepati piawaian Lynn (1986) serta Polit dan Beck (2006). Kesepaduan nilai CVI ini mengesahkan bahawa instrumen PIMRS yang diadaptasi untuk konteks Malaysia adalah relevan, tepat dan mencukupi bagi mengukur amalan kepimpinan instruksional guru besar. Jadual VII memberikan ringkasan dapatan bagi kepimpinan instruksional dalam kajian ini.

JADUAL VII: RINGKASAN DAPATAN CVI BAGI KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL

Dimensi	Bil. Item asal	Bil. Item digugurkan	Jurang I-CVI	S-CVI / Ave
ILM	5	0	1.00	1.00
ILP	7	0	0.86 – 1.00	0.98
ILI	10	0	1.00	1.00
Kepimpinan Instruksional	22	0	0.86 – 1.00	0.99

VII. PERBINCANGAN

Dapatan CVI bagi instrumen kepimpinan instruksional menunjukkan tahap kesahan kandungan yang sangat tinggi, sekali gus mencerminkan persetujuan pakar yang kukuh terhadap kerelevanan dan kejelasan item dalam ketiga-tiga dimensi PIMRS. Nilai I-CVI yang konsisten tinggi (0.86–1.00) serta nilai S-CVI/Ave yang hampir sempurna (0.98–1.00) mengesahkan bahawa instrumen ini mempunyai kejelasan konseptual yang mantap serta keupayaan untuk mengukur konstruk kepimpinan instruksional secara tepat dalam konteks sekolah rendah Malaysia. Nilai ini melampaui garis panduan antarabangsa oleh Lynn (1986) dan Polit dan

Beck (2006), yang menekankan keperluan persetujuan pakar sebagai asas penting sebelum menjalankan ujian kesahan konstruk dan kebolehpercayaan.

Dimensi Penetapan Misi dan Matlamat Sekolah (ILM) menunjukkan tahap kesahan kandungan yang paling tinggi, dengan semua lima item mencatatkan I-CVI 1.00 dan S-CVI/Ave 1.00. Konsensus mutlak ini menandakan bahawa pakar melihat peranan guru besar dalam menetapkan visi, menyampaikan matlamat akademik dan menggerakkan hala tuju sekolah sebagai aspek yang ditakrifkan dengan jelas dan tepat dalam instrumen. Dapatan ini turut selari dengan literatur antarabangsa yang menekankan komponen visi sekolah sebagai elemen teras kepimpinan instruksional yang mampu mempengaruhi keselarasan matlamat antara guru dan pentadbir (Hallinger & Wang, 2015).

Dimensi Mengurus Program Instruksional (ILP), walaupun mencatat sedikit variasi dengan I-CVI dalam lingkungan 0.86 hingga 1.00, tetap menunjukkan kesahan kandungan yang tinggi melalui nilai S-CVI/Ave 0.98. Variasi kecil ini lazim dalam dimensi yang melibatkan aspek teknikal pengajaran, namun tahap persetujuan pakar yang hampir sempurna menegaskan bahawa semua item dalam dimensi ini menggambarkan secara tepat tugas guru besar dalam menyelaraskan kurikulum, memantau pedagogi dan menyokong pembangunan profesional guru. Di samping itu, dapatan ini selari dengan penekanan global terhadap peranan pemimpin sekolah sebagai peneraju utama gerak kerja instruksional dan peningkatan prestasi murid ((Leithwood et al., 2020).

Dimensi Iklim Sekolah (ILI) turut menunjukkan konsistensi kesahan yang sangat tinggi, dengan kesemua sepuluh item mencatatkan I-CVI 1.00 serta S-CVI/Ave 1.00. Persetujuan total ini mencerminkan kefahaman pakar bahawa iklim sekolah termasuk hubungan interpersonal, sokongan profesional dan budaya kolaboratif merupakan komponen penting dalam kepimpinan instruksional yang memberi kesan langsung kepada motivasi guru dan keberkesanan pengajaran. Kesepaduan dapatan ini turut menyokong kajian antarabangsa yang mendapati bahawa iklim sekolah yang positif merupakan asas penting kepada pembelajaran berkualiti dan kesejahteraan guru.

Hasilnya, nilai S-CVI/Ave bagi keseluruhan konstruk Kepimpinan Instruksional ialah 0.99, menunjukkan kesahan kandungan yang hampir sempurna dan menegaskan ketepatan instrumen PIMRS versi adaptasi ini. Dapatan ini membuktikan bahawa instrumen tersebut bukan sahaja selaras dengan teori asal Hallinger dan Murphy (1985), tetapi juga relevan dalam konteks pendidikan Malaysia yang mempunyai struktur organisasi, budaya sekolah dan amalan profesional yang tersendiri.

Proses pengesahan kandungan yang teliti ini bukan sahaja memperkukuh integriti psikometrik instrumen, tetapi turut memastikan bahawa ia benar-benar mencerminkan realiti tugas guru besar di Malaysia. Justeru, instrumen yang telah disahkan ini bersedia digunakan dalam kajian selanjutnya.

VIII. IMPLIKASI

Kajian ini memberikan sumbangan teoritikal yang signifikan dengan mengukuhkan kesahan konstruk

kepimpinan instruksional berdasarkan instrumen PIMRS dalam konteks pendidikan Malaysia. Bukti kesahan kandungan yang tinggi menunjukkan bahawa dimensi kepimpinan instruksional iaitu penetapan misi, pengurusan program instruksional, dan pembangunan iklim sekolah beroperasi secara konsisten dalam sistem sekolah rendah tempatan. Hal ini mengesahkan kebolehgunaan model Hallinger dan Murphy (1985) dalam konteks budaya dan organisasi pendidikan Malaysia. Dapatan ini juga memperkayakan teori dengan menunjukkan bahawa instrumen antarabangsa boleh disesuaikan secara berkesan apabila proses validasi konteks dilakukan secara sistematik melalui CVI. Justeru, kajian ini menyokong pemahaman lebih mendalam tentang bagaimana kepimpinan instruksional dimaknai dan dipraktikkan dalam sistem pendidikan Asia, sekali gus mengembangkan wacana global mengenai variasi konteks kepimpinan.

Dapatan kajian ini juga mempunyai implikasi praktikal yang penting kepada pemimpin sekolah, guru dan pihak pentadbiran pendidikan. Pertama, instrumen PIMRS yang telah disahkan memberikan alat diagnostik yang tepat untuk menilai kekuatan dan kelemahan amalan kepimpinan instruksional guru besar. Instrumen ini membolehkan pihak sekolah menjalankan penilaian sendiri secara lebih sistematik, seterusnya memaklumkan keperluan latihan, pemantapan kompetensi dan strategi intervensi kepimpinan. Kedua, dapatan CVI yang kukuh menunjukkan bahawa item-item dalam instrumen mencerminkan realiti amalan di sekolah rendah Malaysia, membolehkan pemimpin menggunakan instrumen ini untuk merancang program pembangunan profesional yang lebih berfokus. Selain itu, penggunaan instrumen yang sah dan boleh dipercayai membantu meningkatkan ketepatan penilaian keberkesanan kepimpinan terhadap pengajaran dan pembelajaran, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti sekolah secara menyeluruh.

Dari perspektif dasar, dapatan kajian ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh program pembangunan kepimpinan agar pemimpin sekolah berupaya membawa perubahan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran (Adams et al., 2020; Ahmed et al., 2022; Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Program tersebut perlu memberi penekanan kepada kemahiran merumus dan menyampaikan visi sekolah, keupayaan mengurus kurikulum dan instruksi, serta kecekapan membangunkan persekitaran pembelajaran yang positif sebagai sebahagian daripada mandat kepimpinan sekolah (Ahmed et al., 2022).

Selain itu, kajian ini Instrumen PIMRS yang telah disahkan boleh dijadikan asas kepada pembangunan sistem penilaian kepimpinan instruksional secara nasional, khususnya dalam konteks Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2016) yang menekankan keperluan “pemimpin berprestasi tinggi di setiap sekolah.” Hasil kajian ini juga boleh menyokong usaha merangka polisi latihan kepimpinan yang lebih berasaskan data, termasuk program pembangunan guru besar, pemilihan pemimpin sekolah dan penambahbaikan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2). Ketersediaan instrumen yang sah dan kontekstual turut membolehkan pembuat dasar merangka intervensi sekolah rendah yang lebih tersasar berdasarkan profil kepimpinan sebenar di lapangan. Secara

keseluruhan, dapatan ini menyediakan asas empirikal untuk memperkukuh dasar kepimpinan pendidikan yang responsif dan berimpak tinggi.

IX. RUMUSAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai kesahan kandungan instrumen kepimpinan instruksional guru besar dengan menggunakan kaedah *Content Validity Index (CVI)* bagi memastikan kesesuaian dan ketepatan item dalam konteks sekolah rendah Malaysia. Melalui proses metodologi yang sistematik melibatkan penyediaan borang penilaian, pemilihan panel pakar berpengalaman serta pelaksanaan penilaian item secara bersejajar dan tanpa bersejajar, kajian ini memastikan setiap item ditaksir berdasarkan kerelevanan, kejelasan dan kesepadanan dengan konstruk teori yang diukur.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua 22 item asal instrumen dikekalkan, dengan nilai I-CVI antara 0.86 hingga 1.00 dan nilai S-CVI/Ave antara 0.98 hingga 1.00, menandakan tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi terhadap semua dimensi iaitu Penetapan Misi dan Matlamat Sekolah (ILM), Mengurus Program Instruksional (ILP) dan Iklim Sekolah (ILI). Keputusan ini menyokong bahawa instrumen PIMRS versi adaptasi mengekalkan ketepatan konsep asal Hallinger dan Murphy (1985) serta sesuai digunakan dalam konteks pendidikan Malaysia.

Perbincangan memperlihatkan bahawa dapatan CVI bukan sahaja membuktikan ketepatan teori konstruk kepimpinan instruksional, malah menunjukkan keseragaman pemahaman pakar terhadap peranan guru besar dalam menetapkan visi, menyelia program instruksional serta membina iklim sekolah yang positif. Nilai kesahan kandungan yang tinggi ini mengukuhkan integriti psikometrik instrumen dan memberikan asas kukuh untuk digunakan dalam ujian kebolehppercayaan serta kajian empirikal seterusnya.

Implikasi kajian ini adalah besar. Dari aspek teori, kajian ini mengesahkan bahawa model kepimpinan instruksional dapat diaplikasikan dengan tepat dalam konteks sekolah rendah Malaysia. Dari aspek amalan, instrumen yang telah disahkan memberikan alat diagnostik yang sah kepada pemimpin sekolah untuk menilai dan menambah baik amalan kepimpinan. Dari aspek dasar pula, instrumen ini berpotensi menyokong pembangunan polisi latihan kepimpinan, pemilihan pemimpin sekolah dan penambahbaikan kualiti sekolah secara keseluruhan.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa instrumen PIMRS yang diadaptasi mempunyai kesahan kandungan yang sangat tinggi dan berupaya digunakan sebagai alat pengukuran yang sah, relevan dan berkesan dalam penyelidikan serta amalan kepimpinan instruksional di sekolah rendah Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada sesiapa sahaja yang memberi sumbangan secara langsung dan tidak langsung bagi penghasilan kajian ini. Ucapan ini juga dihaskan kepada kepada pakar-pakar yang meluangkan masa mereka yang berharga dengan memberikan pendapat

dan pandangan ilmiah serta berdasarkan kepada pengalaman yang yang tidak ternilai. Ucapan ini juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana sumbangan biasiswa diberikan ketika menjalankan kajian ini.

REFERENCES

- Adams, D., Yoon Mooi, A. N., & Muniandy, V. (2020). Principal leadership preparation towards high-performing school leadership in Malaysia. *Asian Education and Development Studies*, 9(4), 425–439. <https://doi.org/10.1108/AEDS-02-2018-0046>
- Ahmed, E., Hammad, W., & Hawass, H. H. (2022). Examining the Relationship Between Principal Leadership, Collective Efficacy, and Teacher Commitment in Saudi Arabia. *ISEA*, 50(3), 2022–2097.
- Almanasreh, E., Moles, R., & Chen, T. F. (2019). Evaluation of methods used for estimating content validity. *Research in Social and Administrative Pharmacy*, 15(2), 214–221. <https://doi.org/10.1016/j.sapharm.2018.03.066>
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the Instructional Management Behavior of Principals. *Source: The Elementary School Journal*, 86(2), 217–247. <http://www.jstor.org/stable/1001205>
- Hallinger, P., & Wang, W.-C. (2015). *Assessing Instructional Leadership with the Principal Instructional Management Rating Scale* (Chia-Wen Chen & Dongyu Li, Eds.; Vol. 1). Springer International Publishing. <https://doi.org/DOI10.1007/978-3-319-15533-3>
- Hassan, R. Bin, Ahmad, J., & Boon, Y. (2019). Instructional Leadership in Malaysia. *International Journal of Engineering and Advanced Technology*, 8(6s3), 537–547. <https://doi.org/10.35940/ijeat.F1096.0986S319>
- KPM. (2016). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan Kementerian Pendidikan Malaysia* (Vol. 1). Bahagian Pendidikan Guru. www.moe.gov.my
- Leithwood, K., Harris, A., & Hopkins, D. (2020). Seven strong claims about successful school leadership revisited. *School Leadership & Management*, 40(1), 5–22. <https://doi.org/10.1080/13632434.2019.1596077>
- Lindell, M. K., Brandt, C. J., & Whitney, D. J. (1999). A Revised Index of Interrater Agreement for Multi-Item Ratings of a Single Target. *Applied Psychological Measurement*, 23(2), 127–135. <https://doi.org/10.1177/01466219922031257>
- Lynn, M. R. (1986). Determination and Quantification of Content Validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–386.

- Othman, C., Busari, A. H., & Sulong, M. (2024). Content Validity Of Instruments Measuring Instructional Leadership, Organizational Commitment And Followership In Malaysian Primary Schools. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 153–166. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v9i2.11298>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 29(5), 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. V. (2007). Focus on research methods: Is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 30(4), 459–467. <https://doi.org/10.1002/nur.20199>
- Sabi, J., & Ibrahim, R. (2025). Satu Tinjauan Awal kesan Kepimpinan Instruksional terhadap Prestasi Akademik Murid di Sekolah Kurang Murid di Malaysia. *Management Research Journal*, 14(1), 98–108. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol14.1.8.2025>
- Sekaran, U., & Roger, B. (2016). *Research Method for Business: A Skill-building Approach* (7th ed., Vol. 7). Wiley & Sons Ltd. www.wileypluslearningspace.com
- Thien, L. M., Darmawan, I. N., & Adams, D. (2023). (Re)Investigating the pathways between instructional leadership, collective teacher efficacy, and teacher commitment: a multilevel analysis. *International Journal of Educational Management*, 37(4), 830–845. <https://doi.org/10.1108/IJEM-12-2022-0516>
- Thien, L. M., Lim, S. Y., & Adams, D. (2021). The evolving dynamics between instructional leadership, collective teacher efficacy, and dimensions of teacher commitment: what can Chinese independent high schools tell us? *International Journal of Leadership in Education*. <https://doi.org/10.1080/13603124.2021.1913236>
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2004). Principals' sense of efficacy. *Journal of Educational Administration*, 42(5), 573–585. <https://doi.org/10.1108/09578230410554070>
- Yusoff, M. S. B. (2019). ABC of Content Validation and Content Validity Index Calculation. *Education in Medicine Journal*, 11(2), 49–54. <https://doi.org/10.21315/eimj2019.11.2.6>
- Zamanzadeh, V., Ghahramanian, A., Rassouli, M., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H., & Nikanfar, A.-R. (2015). Design and Implementation Content Validity Study: Development of an instrument for measuring Patient-Centered Communication. *Journal of Caring Sciences*, 4(2), 165–178. <https://doi.org/10.15171/jcs.2015.017>